

16/06/1997

Larangan guna pengaruh keluarga

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua anak dan saudara mara menteri Kabinet serta ahli mesyuarat kerajaan negeri (Exco), ditegah sama sekali menggunakan nama orang kenamaan berkenaan untuk kepentingan sendiri, terutama membabitkan perniagaan, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Menurutnya, larangan itu bukan sekadar membabitkan anak menteri biasa atau Exco kerajaan negeri, malah turut meliputi anak atau saudara mara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini bukan perkara baru, ia memang sudah diamalkan sejak dulu lagi. Anak-anak atau saudara mara menteri atau Exco, tidak dibenarkan menggunakan nama keluarga mereka yang berada di dalam kerajaan. Jelasnya di sini ialah tidak boleh," katanya ketika ditemui wartawan di pesta Hari Keluarga Persatuan Anak-anak Pahang, di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, menggugurkan seorang anggota Exco Kerajaan Negeri yang ingin membabitkan diri dalam perniagaan.

Bagaimanapun, Sabbaruddin berkata anak dan saudara mara menteri atau Exco tidak dilarang untuk menjalankan sebarang perniagaan yang tidak membabitkan nama keluarga mereka.

"Jika saya ada anak yang sudah besar (anak saya masih kecil lagi), dan dia ingin menjalankan perniagaan, dia boleh berbuat demikian atas usahanya sendiri.

"Mana boleh jika semua orang di dalam keluarga menteri atau Exco tidak bekerja. Takkan nak bergantung terus kepada gaji kami. Tak tahan kami. Tetapi dengan syarat dia (menteri dan ahli Exco itu) tidak terbabit sama," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas kes yang membabitkan anak Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Ling Hee Leong, yang dikatakan mempunyai harta RM1.2 bilion, hasil pengambilalihan saham Red Box Sdn Bhd dan empat syarikat lain.

Jumaat lalu, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, membuat aduan ke ibu pejabat Biro Pencegah Rasuah di sini, meminta badan itu menyiasat bagaimana Hee Leong yang baru berusia 27 tahun terbabit dalam pengambilalihan korporat itu dan sama ada cara itu dibuat dengan betul atau menggunakan pengaruh bapanya.

Semalam, Dr Ling berkata anaknya sedia disiasat BPR.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan itu, berkata jika ada menteri atau ahli Exco yang terbabit di dalam perniagaan, mereka perlu meletak jawatan.

"Ini juga bukan perkara baru. Mana ada menteri terbabit dalam perniagaan sekarang. Memang tak boleh.

"Mereka boleh menjadi lembaga pengarah dalam syarikat milik kerajaan, itupun dilantik mewakili kerajaan," katanya.

(END)